

TERHAD

GARIS PANDUAN PEMERHATIAN UJIAN KHAS PTK BAGI JAWATAN SELAIN PEMBANTU TADBIR RENDAH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Untuk memberi panduan kepada penilai untuk melaksanakan penilaian melalui kaedah pemerhatian.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memberi panduan kepada penyelia agar melaksanakan pemerhatian dengan betul.
- 2.2 Memastikan penilaian adalah adil, seragam dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

3. INSTRUMEN

- 3.1 Borang Pemerhatian
- 3.2 Panduan Pemerhatian

4. KAEDAH

Penilai perlu menggunakan skala pemarkahan yang telah ditetapkan oleh BPPK. Calon yang dinilai perlu berada di bawah pengawasan penilai sekurang-kurangnya tiga bulan kecuali dalam kes- kes khas. Skala pemarkahan yang digunakan adalah seperti berikut:

- 1 Tidak Memuaskan
- 2 Memuaskan
- 3 Baik
- 4 Cemerlang

5. PELAKSANAAN

- 5.1. Kaedah Pemerhatian menggunakan Borang Pemerhatian oleh Penyelia terdekat bagi menilai kompetensi fungsional (khusus) skim perkhidmatan penjawat awam gred 1 hingga gred 16.
- 5.2 Panel penilai yang diberi tanggungjawab untuk menilai calon perlu terdiri daripada tiga orang iaitu penilai pertama, penilai kedua dan panel penilai ketiga. Setiap penilai akan menggunakan borang penilaian yang berlainan.

TERHAD

5.3 *Penyelia terdekat* merupakan pegawai yang bertanggung jawab menyelia tugas-tugas calon berkenaan dan dianggap sebagai penilai pertama. Penilai kedua boleh terdiri daripada Pegawai Eksekutif/Pegawai Tadbir/Ketua Pembantu Tadbir dan Ketua Unit. Panel penilai ketiga merupakan anggota di jabatan yang sama selain daripada penilai pertama dan penilai kedua, tetapi berurusan dengan pegawai yang dinilai dalam urusan rasmi seperti contoh yang berikut:

Panel Penilai Pertama	Panel Penilai Kedua	Panel Penilai Ketiga
Ketua Pembantu Tadbir	Pegawai Eksekutif	Penolong Pengarah/ Penolong Setiausaha
Ketua Pembantu Tadbir	Guru Penolong Kanan HEM	Penolong Guru Besar/ Penolong Pengetua
Pegawai Eksekutif	Penolong Pengarah/ Penolong Setiausaha	Ketua Penolong Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha
Pegawai Eksekutif	Ketua Unit	Ketua Pembantu Tadbir
Penolong Pengarah/ Penolong Setiausaha	Ketua Penolong Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha	Pegawai Eksekutif

5.4 Mana – mana dua markah pemerhatian oleh tiga panel penilai yang mempunyai beza yang terdekat akan digunakan sebagai markah pemerhatian yang akan diambil kira.

5.5 Ketiga – tiga borang pemerhatian berkenaan hendaklah dikemukakan seperti berikut:

Sekolah → PPD
PPD → JPN
Cawangan di Negeri → Ibu Pejabat Bahagian

5.6 Sepanjang tempoh penilaian, penilai perlu membuat pemerhatian terhadap kompetensi calon berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dengan menggunakan borang yang dibekalkan.

5.7 Pemerhatian hendaklah dirahsiakan. Markah penilaian dalam Borang Penilaian PTK adalah **SULIT** dan hendaklah diuruskan sebagai dokumen sulit.

6. PENUTUP

Diharap panduan ini dapat membantu penilai untuk memberi markah dengan adil, seragam dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.